

Dikemaskini pada 21 Mei 2021

## **HONG LEONG AKAUN FLEXI FD TERMA DAN SYARAT (“T&S”)**

1. Terma-terma dan syarat-syarat ini hendaklah dibaca bersama sebagai keseluruhan dengan [Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam](#), dan mana-mana terma dan syarat lain yang mungkin dikenakan oleh Hong Leong Bank Berhad (“HLB”) dari semasa ke semasa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender, serta peraturan lain yang mengikat pada HLB.
2. Akaun Flexi FD ialah akaun deposit tetap yang membolehkan pengeluaran sebahagian dana dan kecuali sepertimana yang ditetapkan oleh HLB, Pelanggan berhak untuk memindahkan dana dari Akaun Flexi FD ke Akaun Flexi One atau sebaliknya secara automatik bagi memenuhi keperluan transaksi debit dan/atau kredit automatik.
3. Akaun Flexi FD hanya tersedia untuk individu, sama ada secara persendirian atau perkongsian bersama.
4. Operasi Akaun Flexi One:
  - (a) Akaun Flexi One akan dibuka secara automatik semasa pembukaan Akaun Flexi FD. Akaun Flexi One boleh dibuka dengan jumlah minimum **Ringgit Malaysia Sepuluh (RM10)** atau sebarang jumlah lain yang diterima oleh HLB mengikut budi bicara mutlaknya.
  - (b) Akaun Flexi One adalah akaun semasa di mana faedah diperolehi dari baki kredit.
  - (c) Akaun Flexi One akan dihubungkan dengan Akaun Flexi FD pelanggan, akan tetapi para pelanggan tidak akan memanfaat dengan kemudahan OD berdasarkan jumlah prinsipal deposit tetap yang dimasukkan.
  - (d) Terma & Syarat untuk Akaun Semasa yang dinyatakan dalam [Terma dan Syarat Am Akaun untuk Deposit dan Deposit Perbankan Islam](#) akan diguna pakai bagi Akaun Hong Leong Flexi One.
5. Operasi Akaun Flexi FD:
  - (a) Perletakan deposit tetap adalah untuk tempoh **dua belas (12)** bulan atau tempoh yang ditetapkan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi **dua puluh satu (21)** hari kalender makluman awal terlebih dahulu, dengan jumlah minima **Ringgit Malaysia Sepuluh Ribu (RM10,000)** bagi setiap Pelanggan atau sebarang jumlah lain yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender.
  - (b) Tiada resit deposit tetap akan dikeluarkan tetapi penyata bulanan yang menggabungkan Akaun Flexi FD dan Akaun Flexi One Pelanggan akan menyatakan aktiviti transaksi setiap kali terdapat aktiviti bagi akaun tersebut akan dikeluarkan kepada para pelanggan.
  - (c) Sebarang perletakan deposit tetap di sini tidak akan digunakan sebagai cagaran untuk menjamin mana-mana fasiliti OD dan/atau untuk operasi Akaun One Hong Leong.
  - (d) Bagi pemindahan dana dari Akaun Flexi FD ke Akaun Flexi One, pengeluaran sebahagian awal tertakluk pada minima **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** dan gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** seterusnya atau sebarang jumlah lain yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender.
  - (e) HLB berhak untuk mengeluarkan Flexi FD dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** dan apabila perlu untuk memenuhi keperluan arahan debit atau untuk penjelasan cek (-cek) ke atas Akaun Flexi One kepada Pelanggan. Sebarang pengeluaran deposit tetap adalah berdasarkan “Last-In-First-Out” atau sepertimana yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender.
  - (f) Bagi tuntutan penjelasan cek di kaunter, pemindahan dana dari Akaun Flexi FD ke Akaun Flexi One tidak akan berkuatkuasa secara automatik. Pelanggan dikehendaki membuat pengeluaran sebahagian dari Akaun Flexi FD dengan memberi arahan bertulis secara manual menggunakan borang sepertimana yang ditentukan oleh HLB untuk memenuhi tuntutan arahan debit atau untuk penjelasan cek bagi Akaun Flexi One.

- (g) Sekiranya berlaku keadaan di mana agregat dana dalam Akaun Flexi FD dan Akaun Flexi One tidak mencukupi bagi memenuhi arahan debit atau untuk menjelaskan cek bagi Akaun Flexi One, HLB berhak untuk menolak arahan debit dan/atau penjelasan cek dan HLB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan dan/atau mana-mana pihak ketiga ke atas sebarang kehilangan (sama ada secara langsung atau tidak langsung) atau akibat kehilangan atau kerosakan atau sebaliknya yang timbul atas apa jua alasan sekalipun.
- (h) HLB berhak untuk mengenakan caj perkhidmatan sebanyak **Ringgit Malaysia Lima (RM5)** bagi setiap pemindahan dana dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Ribu (RM3,000)** dari Akaun Flexi FD ke Akaun Flexi One. HLB juga berhak memotong dari atau mendebit Akaun Flexi One Pelanggan bagi sesuatu kadar caj perkhidmatan untuk memenuhi tuntutan arahan debit atau untuk penjelasan cek bagi Akaun Flexi One. HLB berhak untuk mengkaji semula dan mengubah caj perkhidmatan dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender. Walau bagaimanapun, caj perkhidmatan tidak akan dikenakan bagi pemindahan dana dari Akaun Flexi FD ke Akaun Flexi One melalui Kaunter.
- (i) Berhubung dengan kadar faedah yang diguna pakai pada pengeluaran jumlah deposit tetap, syarat dan peraturan yang sama diguna pakai pada Akaun Deposit Tetap Biasa dan kadar faedah yang diguna pakai ke atas jumlah yang sedia ada dalam deposit adalah kadar faedah yang sama sejajar dengan tempoh sebenar dan jumlah yang sedia ada.
- (j) Bagi pemindahan dana dari Akaun Flexi One ke Flexi FD Account, pemindahan dana adalah tertakluk kepada jumlah minima sebanyak **Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000)** dan dalam gandaan **Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000)**, sehingga had **Ringgit Malaysia Sembilan Puluh Ribu (RM90,000)** (atau lain-lain jumlah yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender) asalkan terdapat baki kredit minima sebanyak **Ringgit Malaysia Tiga Puluh Ribu (RM30,000)** selepas dana dipindahkan (atau lain-lain jumlah yang ditetapkan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender) dalam Akaun Flexi One, jika tidak, pindahan dana secara automatik dari Akaun Flexi One ke Akaun Flexi FD tidak akan dilaksanakan. Pemindahan dana akan diletakkan berdasarkan kadar faedah semasa.
- (k) Berkuatkuasa pada 12 Jun 2021 (“**Tarikh Berkuatkuasa**”), tiada lagi pengkreditan faedah secara interim iaitu setiap bulan (“**Peraturan Baharu**”).
- Untuk semua Flexi FD yang baharu, faedah akan dikreditkan ke dalam Akaun Flexi One Pelanggan hanya pada tarikh matang Flexi FD tersebut.
  - Untuk Flexi FD yang dibuka sebelum Tarikh Berkuatkuasa, faedah yang diperolehi akan dikreditkan ke dalam Akaun Flexi One Pelanggan pada setiap bulan hingga akhir tempoh Flexi FD tersebut.\*\* Sekiranya Flexi FD diperbaharui, sama ada secara manual atau secara automatik pada tarikh matang, Peraturan Baharu akan terpakai.
- (\*\*) Sekiranya semua baki Flexi FD atau sesuatu baki yang sedia ada dikeluarkan sepenuhnya atau sebelum tempoh matang masing-masing atau tempoh minima seperti yang ditentukan oleh HLB pada bila-bila masa dengan memberi notis awal dua puluh satu (21) hari kalender, HLB berhak untuk menolak dari atau mendebit Akaun Flexi FD Pelanggan bagi semua faedah bulanan yang terakru termasuk tetapi tidak terhad kepada semua faedah yang dibayar ke atas sebahagian pengeluaran awal.)

*Ilustrasi:*

*Flexi FD yang diletakkan sebelum Tarikh Berkuatkuasa untuk tempoh 12 bulan, dan matang pada 31 Ogos 2021, akan menikmati pengkreditan faedah setiap bulan. Setelah matang, Flexi FD tersebut akan diperbaharui selama 12 bulan lagi. Faedah diperolehi dari Flexi FD yang diperbaharui ini hanya akan dibayar pada akhir tempoh 12 bulan iaitu pada 31 Ogos 2022.*

6. Tanpa mengambil kira segala yang terdapat di sini dan tanpa prejudis terhadap sebarang kandungan lain di sini, simpan dan kecuali untuk kerosakan yang timbul secara langsung dari kemungkiran HLB yang disengajakan atau kecualian besar, HLB tidak akan bertanggungjawab kepada Pelanggan dan/atau mana-mana pihak ketiga ke atas sebarang kehilangan (secara langsung atau tidak langsung) keuntungan

atau perniagaan atau musibah atau sebarang kehilangan secara langsung atau berikutnya atau sebarang kerosakan, perbelanjaan dan/atau kehilangan termasuk tetapi tidak terhad ke mana-mana kehilangan faedah yang dibayar atau perlu dibayar ke atas deposit tetap dan/atau Akaun Flexi One, yang Pelanggan dan/atau pihak ketiga mungkin alami atau tanggung akibat mana-mana pengeluaran dan/atau pemindahan sebarang jumlah wang dan/atau sebarang pembayaran yang dibuat dan/atau sebarang dana yang digunakan oleh HLB atau kegagalan bagi pengeluaran, pemindahan, pembayaran dan/atau penggunaan oleh HLB sama ada dari Akaun Flexi FD atau Akaun Flexi One atas apa juga sebab sekalipun.

7. HLB berhak untuk mengkaji semula dan mengubah ciri-ciri dan faedah-faedah pada bila-bila masa dengan memberi notis awal **dua puluh satu (21)** hari kalender.

**Dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.**